

SULIT

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014

1249/2

SEJARAH

Kertas 2

Jun

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
3. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.*
4. *Jawapan bagi Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
5. *Jawapan bagi Bahagian B hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas Peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada Pengawas Peperiksaan.*
6. *Ceraikan Bahagian B daripada kertas soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
7. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1249/2 © 2014 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT



Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1 Sejarah telah membuktikan bahawa perdagangan merupakan satu daripada kegiatan utama sejak zaman Tamadun Awal Manusia hingga kini.

(a) Jelaskan kepentingan kegiatan perdagangan kepada manusia.

.....
.....

[2 markah]

(b) Apakah faktor yang mempengaruhi perkembangan kegiatan perdagangan dalam zaman Tamadun Awal Manusia?

.....
.....

[2 markah]

(c) Bagaimanakah kegiatan perdagangan di negara kita boleh dimajukan dan dipertingkatkan?

.....
.....

[3 markah]

(d) Adakah anda berminat dengan kegiatan perdagangan?
Beri alasan anda.

.....
.....

[3 markah]

2 Mulai abad ke-3 Masihi, hubungan antara Asia Tenggara dengan India terjalin. Banyak aspek kebudayaan India telah diterima dan diamalkan oleh masyarakat Asia Tenggara, termasuklah kepercayaan Hindu dan Buddha.

(a) Bagaimanakah penyebaran pengaruh Hindu dan Buddha di Asia Tenggara berlaku?

.....
.....
[2 markah]

(b) Terangkan **dua** pengaruh Hindu dan Buddha dalam sistem pemerintahan di Asia Tenggara.

(i)
.....
(ii)
.....
[4 markah]

(c) Candi merupakan pengaruh Hindu dan Buddha dalam bidang kesenian di Asia Tenggara.

Terangkan **dua** fungsi candi yang dibina di Asia Tenggara.

(i)
.....
(ii)
.....
[4 markah]

3 Penjajah Barat telah mengubah sistem politik di negara-negara Asia Tenggara.

(a) Mengapakah penjajah Barat bertindak demikian?

.....
.....
[2 markah]

(b) Apakah kesan perubahan politik tersebut?

.....
.....
.....
.....
[4 markah]

(c) Jelaskan reaksi penduduk asal terhadap perubahan tersebut.

.....
.....
[2 markah]

(d) Apakah pendirian anda terhadap perubahan yang dibuat oleh penjajah Barat di Asia Tenggara?

Beri alasan anda.

.....
.....
[2 markah]

4 Pernyataan berikut berkaitan dengan perjuangan politik orang Melayu sebelum merdeka.

Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah lambang kemenangan orang Melayu dalam perjuangan politik mereka.

(a) Mengapakah pembentukan persekutuan tersebut dianggap melambangkan kemenangan orang Melayu?

.....
.....
[2 markah]

(b) Senaraikan **dua** ciri persekutuan tersebut.

(i)
(ii)
[2 markah]

(c) Apakah yang dituntut oleh orang Melayu dalam rundingan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

.....
.....
[2 markah]

(d) Pada pandangan anda, mengapakah tuntutan yang dibuat oleh orang Melayu dalam 4(c) adalah wajar?

.....
.....
.....
.....
[4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian B

[60 markah]

Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.

- 5 Perjanjian Hudaibiyah telah ditandatangani pada tahun 6 Hijrah antara orang Islam Madinah dengan orang Quraisy Makkah.
- (a) Jelaskan peristiwa yang membawa kepada perjanjian tersebut. [4 markah]
- (b) Terangkan syarat-syarat perjanjian tersebut. [6 markah]
- (c) (i) Mengapakah perjanjian tersebut dikatakan menguntungkan pihak orang Islam Madinah walaupun seolah-olah memihak kepada orang Quraisy Makkah? [4 markah]
- (ii) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada perjanjian tersebut. [6 markah]
- 6 Kedatangan Islam telah membawa perubahan dalam sistem perundangan masyarakat Melayu tradisional.
- (a) Terangkan pengaruh Islam dalam sistem perundangan tersebut. [8 markah]
- (b) Pada pandangan anda, mengapakah pengaruh Islam mudah diterima? [6 markah]
- (c) Jelaskan kesan sekiranya masyarakat kita mengamalkan kehidupan yang mematuhi perundangan Islam. [6 markah]
- 7 Keruntuhan empayar Rom pada tahun 476 Masihi bermakna bermulanya Zaman Gelap di Eropah, tetapi telah mengalami perubahan pada Zaman Kemuncak Pertengahan.
- (a) Jelaskan kehidupan masyarakat Eropah pada Zaman Gelap. [4 markah]
- (b) Mengapakah kehidupan masyarakat Eropah berubah pada Zaman Kemuncak Pertengahan? [4 markah]
- (c) (i) Pada pendapat anda, mengapakah kegelapan atau kemunduran berlaku dalam sesuatu masyarakat atau tamadun? [6 markah]
- (ii) Wawasan 2020 merupakan gagasan negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.
Berikan cadangan agar warga Malaysia menikmati taraf hidup yang tinggi menjelang tahun tersebut. [6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 8** Kehadiran J.W.W. Birch dan penglibatannya dalam pentadbiran Perak yang bermula pada 4 November 1874 menandakan bermulanya cabaran ke atas nilai-nilai tempatan.
- (a) Apakah muslihat British melantik J.W.W. Birch dalam urusan pentadbiran di Perak? [4 markah]
- (b) Pada 2 November 1875, J.W.W. Birch dibunuh di Perak.
Mengapakah peristiwa tersebut berlaku? [4 markah]
- (c) (i) Tindakan British menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Pandak Lam, Pandak Indut dan Seputum selepas peristiwa pembunuhan Birch sangat tidak wajar.
Beri hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut. [6 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah kuasa-kuasa Barat mudah mencampuri urusan pentadbiran di Negeri-Negeri Melayu? [6 markah]
- 9** Raja-Raja Melayu telah menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 pada 15 Ogos 1957. Seterusnya Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.
- (a) Nyatakan isi-isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. [4 markah]
- (b) Mengapakah perjanjian tersebut penting dalam sejarah pembinaan negara dan bangsa Malaysia? [4 markah]
- (c) (i) Jelaskan iktibar di sebalik kejayaan penandatanganan perjanjian tersebut. [6 markah]
- (ii) Bagaimanakah cara untuk mengisi kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh pejuang-pejuang tanah air? [6 markah]

10 Melalui Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), kerajaan telah memberi tumpuan kepada sektor perindustrian.

- (a) Terangkan usaha kerajaan untuk memajukan sektor perindustrian melalui rancangan tersebut. [4 markah]
- (b) Pada pendapat anda, mengapakah sektor perindustrian penting kepada negara? [4 markah]
- (c) (i) Buktikan kejayaan yang telah dicapai oleh negara kita dalam bidang perindustrian. [6 markah]
- (ii) Jelaskan persiapan yang perlu dibuat oleh anda untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang maju. [6 markah]

11 Rajah berikut berkaitan dengan perkembangan dasar luar Malaysia.

<p>Tahap Pertama Tunku Abdul Rahman (1957–1970)</p>	<p>Tahap Kedua Tun Abdul Razak (1972–1976) Tun Hussein Onn (1976–1981)</p>	<p>Tahap Ketiga Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad (1981–2003)</p>
<p>Dasar pro-Barat</p>	<p>Dasar Berkecuali dan Berbaik-baik Dengan Semua Negara</p>	<p>Kepentingan Ekonomi dan Dasar Pandang ke Timur</p>

- (a) Mengapakah dasar luar Malaysia berbeza pada setiap tahap? [6 markah]
- (b) Terangkan faktor penggubalan dasar luar Malaysia. [4 markah]
- (c) (i) Dasar luar Malaysia sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan perkembangan dunia.
Bagaimanakah keadaan tersebut memberi manfaat kepada Malaysia? [6 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kesan sekiranya dasar luar negara tidak mantap? [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT